

Newspaper

Berita Harian

Date

24 March 2016

TMJ imbau krisis Perlembagaan 1992

BH - 24/3/2016

» *Tunku Ismail harap sejarah layanan buruk tak berulang*

Oleh Nazura Ngah

nazura_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim semalam mengimbau layanan Kerajaan Persekutuan ke atas Istana Johor ketika krisis Perlembagaan pada 1992.

Sehubungan itu, Tunku Ismail berharap supaya sejarah hitam yang dilakukan kerajaan atas desakan tamak haloba dan gila kuasa itu tidak berulang.

Tidak lupa krisis

"Saya tidak akan lupa krisis Perlembagaan yang berlaku pada 1992. Saya masih ingat bagaimana keluarga saya dilayan oleh pegawai Kerajaan Persekutuan.

"Saya masih ingat perkara



Tunku Ismail Sultan Ibrahim

seperti percubaan untuk membubarkan Askar Timbalan Setia Negeri Johor, Ahli EXCO Johor diberitahu untuk tidak menyambut Alparhum nenda saya di lapangan terbang, bagaimana JKR (Jabatan Kerja Raja) diberitahu untuk tidak membaik pulih dan memulihara segala apa-apa yang

ada di Istana-istana Johor.

"Bonda saya diarah melangkah keluar dari kenderaan kerana mereka mahu memeriksa kenderaan dengan terperinci. Saya masih ingat segala-galanya dan saya masih ingat kepada individu yang bertanggungjawab" katanya menerusi posting di Facebook Johor Sou-

thern Tigers.

Krisis Perlembagaan pada tahun 1992 berlaku ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyaksikan usul menyekat kuasa dan kebebasan Raja-Raja Melayu dikemukakan pada sesi khas Parlimen, Disember 1992.

Hubungan kukuh

Sambil menyifatkan insiden terbabit sebagai perkara lama, Tunku Ismail berkata beliau yakin dengan kekuasaan Allah selain menyifatkan hubungan kerajaan dan kerabat Diraja Johor pada hari ini berada dalam keadaan baik.

"Saya menghargainya. Saya berharap ia bukan hanya sekadar disebabkan kerana anda memerlukan kami. Memang baik sekiranya anda sedar bahawa kita saling memerlukan antara satu sama lain. Tetapi pada pendapat saya pada masa ini, tumpuan harus diberikan untuk memperbetulkan kesilapan dan mencapai kemajuan dalam negara.

"Saya berharap supaya sejarah hitam yang anda lakukan atas desakan tamak haloba dan sikap gila kuasa tidak akan berlaku lagi. Jangan manipulasi rakyat demi kepentingan diri sendiri kerana anda dilantik untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Saya berdoa supaya kita boleh memberikan tumpuan untuk menjadikan negara kita ini tempat yang lebih baik pada masa akan datang, demi rakyat," katanya.